

B B670 AAB

CHINA R R R

(I)

1985

KUALA LUMPUR, 25 JUN (BERNAMA) -- KERAJAAN TELAH MELONGGARKAN BEBERAPA SEKATAN UNTUK PERJALANAN KE NEGERI CHINA, DENGAN TUJUAN UNTUK MEMPERBAIKI HUBUNGAN DAGANGAN DAN EKONOMI, DEMIKIAN KATA PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

BAGAIMANAPUN, HUBUNGAN DUA HALA PADA UMUMNYA AKAN KEKAL DI PERINGKAT KERAJAAN DENGAN KERAJAAN DAN SEKATAN-SEKATAN LAWATAN SOSIAL YANG ADA SEKARANG AKAN TERUS BERKUATKUASA, TAMBAHNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERCAKAP KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MENYAMPAIKAN CEK-CEK BAGI PIHAK PERSATUAN BULAN SABIT MERAH MALAYSIA UNTUK TABUNG BANTUAN KEBULURAN AFRIKA, KEPADA LIGA PERSATUAN PALANG MERAH DAN PERSATUAN BULAN SABIT MERAH DAN JAWATANKUASA ANTARABANGSA PALANG MERAH DI JABATAN PERDANA MENTERI DI SINI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGESAHKAN BAHAWA KABINET, PADA 6 JUN LALU, TELAH MEMBINCANGKAN KERTAS KERJA MENGENAI HUBUNGAN DENGAN CHINA DAN KABINET BERSETUJU MEMBERI KELONGGARAN ITU UNTUK MENGAMBIL KESEMPATAN DARIPADA PROGRAM PERMODENAN CHINA.

SEMENTARA ITU, PARA PEGAWAI MENYATAKAN KELONGGARAN ITU IALAH DARI BENTUK KATEGORI BARU PELAWAT KE CHINA -- LAWATAN YANG MENGUNTUNGGAN DI SEGI EKONOMI. -- LAGI.

1913MST 25 06 85

CHINA 2 KUALA LUMPUR

(I)

DI BAWAH KATEGORI ITU, SEKATAN UMUR MELEBEHI 30 TAHUN DIHAPUSKAN BAGI AHLI-AHLI PERNIAGAAN YANG DIANGGAP + TULEN.+

PADA MASA INI, MEREKA YANG DI BAWAH UMUR 30 TAHUN TIDAK DIBENARKAN MELAWAT KE CHINA UNTUK APA TUJUAN SEKALIPUN.

BAGAIMANAPUN, AHLI-AHLI PERNIAGAAN SEUMPAMA ITU MASIH PERLU MEMBERI NOTIS DUA MINGGU KEPADA KEMENTERIAN-KEMENTERIAN BERKAITAN SEBELUM MEMBUAT LAWATAN.

KERTAS KERJA KABINET YANG MENGANDUNGI SYOR-SYOR OLEH JAWATANKUASA ANTARA KEMENTERIAN DIBENTUK TAHUN LALU UNTUK MENGENDALIKAN CARA-CARA MENINGKATKAN DAGANGAN MALAYSIA-CHINA TANPA MENJEJASKAN KESELAMATAN DAN PERPADUAN MALAYSIA, TELAH DIKEMUKAKAN OLEH MENTERI LUAR, TENGGU AHMAD RITHAUDDEEN.

JAWATANKUASA ITU YANG DIPENGERUSIKAN OLEH TIMBALAN MENTERI LUAR, ENCİK ABDUL KADIR SHEIKH FADZIR DIBENTUK EKORAN SATU MESYUARAT KHAS KABINET TAHUN LALU APABILA MENTERI LUAR KETIKA ITU, TAN SRI GHAZALI SHAFIE MEMBERI TAKLIMAT KEPADA RAKAN-RAKAN MENTERINYA MENGENAI LAWATANNYA KE CHINA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, SEMUA SYARIKAT MALAYSIA, TERMASUK SYARIKAT BUMIPUTERA, DIGALAKKAN MENGADAKAN DAGANGAN SECARA TERUS DENGAN NEGERI CHINA. -- BERNAMA.

1929MST 25 06 85